



KENYATAAN MEDIA

LEBIH 145,000 RAKAN PENGHANTAR GRAB MALAYSIA DAN FOODPANDA

KINI DILINDUNGI PERKESO

KUALA LUMPUR – Lebih **145,000** penghantar barangan dan makanan yang menggunakan motosikal, basikal atau berjalan kaki dan juga rakan penghantar di seluruh negara kini dilindungi **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** apabila dua platform penyedia perkhidmatan terkemuka – **Grab Malaysia dan foodpanda** mendaftarkan hampir kesemua rakan penghantar mereka di bawah program **SPS Lindung**.

Program yang dilaksanakan hasil kerjasama strategik antara PERKESO dan platform penyedia perkhidmatan ini merupakan satu lagi **pendekatan proaktif** dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memperluaskan jaringan keselamatan sosial kepada **Orang Bekerja Sendiri (OBS)** termasuk para rakan penghantar ini.

Bagi memastikan golongan ini dilindungi dan menggalakkan mereka mendaftar, Kerajaan melalui SPS Lindung, menyediakan bantuan berbentuk pembiayaan penuh caruman **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** di bawah **Pelan 2** iaitu sebanyak **RM232.80** untuk tempoh perlindungan selama **setahun**.

Selaku peneraju di kalangan **133** platform penyedia perkhidmatan di Malaysia, Grab Malaysia dan foodpanda merupakan dua platform pertama yang tampil menyahut seruan tersebut dan hasilnya, para rakan penghantar di bawah naungan mereka kini dilindungi Skim Bencana Pekerjaan di bawah **SKSPS**.

Mengambil kira perubahan ekonomi dan permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan sektor ekonomi gig terutamanya ketika tempoh penularan COVID-19, perluasan perlindungan kepada golongan rakan penghantar ini merupakan satu langkah wajar bagi menjaga kebajikan mereka yang terdedah dengan **risiko aktiviti pekerjaan terutamanya ketika di jalan raya**. Langkah ini juga bertepatan dengan seruan Kerajaan agar pekerja sektor informal tidak tersisih daripada perlindungan keselamatan sosial, sama seperti pekerja dalam sektor formal.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO berkata, "PERKESO menyambut baik dan menyanjung keprihatinan dan rasa tanggung jawab yang dizahirkan oleh kedua-dua peneraju utama platform penyedia perkhidmatan ini dalam mendaftar dan mencarum rakan penghantar mereka. Komitmen dan teladan mereka dalam memberikan perlindungan sosial kepada kelompok rakan penghantar ini, saya percaya, bukan sahaja akan membangkitkan semangat para penghantar ini untuk meningkatkan mutu perkhidmatan tetapi lebih dari itu, akan mendorong platform penyedia perkhidmatan yang lain untuk mencontohi mereka."

"Saya menyeru semua platform penyedia perkhidmatan untuk turut mengikuti jejak langkah Grab Malaysia dan foodpanda dalam menzahirkan keprihatinan mereka terhadap rakan penghantar, seterusnya menyokong usaha Kerajaan dengan memastikan rakan penghantar mereka didaftar, dicarum dan dilindungi," tambah beliau.

"Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan PERKESO dalam menyediakan faedah perlindungan sosial, yang memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakan penghantar kami. Di Grab, kami komited dalam menyediakan rakan kami dengan platform yang selamat, inklusif dan boleh diyakini, di mana mereka dapat memperoleh pendapatan dengan pasti. SPS Lindung juga melengkapkan **perlindungan insurans GrabInsure 24/7** di bawah program GrabBenefits yang bertujuan untuk memberikan perlindungan sosial dan jaringan keselamatan kepada komuniti rakan pemandu dan penghantar," kata **Sean Goh, Pengarah Urusan, Grab Malaysia.**

Shubham Saran, Ketua Logistik, foodpanda pula berkata, "Kami amat gembira bekerjasama dengan pihak PERKESO untuk inisiatif ini. Keselamatan dan kebajikan rakan penghantar foodpanda akan sentiasa menjadi keutamaan kami. Kami sentiasa komited untuk memberikan yang terbaik kepada semua rakan penghantar kami dan ingin memastikan mereka tidak perlu risau jikalau sesuatu yang tidak diingini berlaku."

Statistik PERKESO sehingga **9 Julai 2021** menunjukkan seramai **64,773** pencarum aktif yang terdiri daripada rakan penghantar kini berdaftar dan mencarum di bawah SKSPS. Jumlah tersebut merangkumi **39** peratus daripada jumlah keseluruhan OBS aktif yang mencarum dengan PERKESO iaitu **166,189** orang. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan **2.72 juta** OBS yang direkodkan oleh Jabatan Statistik Malaysia, jumlah OBS yang mencarum dengan PERKESO adalah masih rendah, iaitu hanya **6.1** peratus.

Program SPS Lindung adalah pakej perlindungan PERKESO kepada mereka yang bekerja sendiri yang diumumkan oleh Kerajaan semasa pembentangan **Belanjawan 2021** pada **6 November 2020**. Ia merupakan penambahbaikan kepada **Program PenjanaGig** yang diperkenalkan sejak **15 Jun 2020** bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada OBS di bawah SKSPS PERKESO.

Antara manfaat perlindungan keselamatan sosial yang disediakan dalam SKSPS adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Faedah Pengurusan Mayat (FPM), Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Pinjaman Pendidikan dan Kemudahan Pemulihan Jasmani dan Vokasional.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat berkenaan program SPS Lindung, sila rujuk **laman web PERKESO** di www.perkeso.gov.my atau hubungi **Careline PERKESO 1300-22-8000**.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi;

PERKESO

Izad Hj Raya

Ketua Pegawai Komunikasi

+6012 6377 890

Grab Malaysia

Daisy Sidhu

Ketua Komunikasi

pr.my@grab.com

foodpanda

Lisa Santa Maria

Pengurus Perhubungan Awam

+6017 6754 692